

# BBC cadang rapatkan pemimpin muda Malaysia, Singapura

UM - 5 SEP 2001

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC) akan mencadangkan kepada kerajaan untuk mengadakan program bagi merapatkan hubungan antara pemimpin muda Malaysia dan Singapura.

Pengerusi BBC, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis berkata, cadangan itu ditimbulkan dalam pertemuan lebih sejam antara BBC dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew hari ini.

"Kita minta pandangan beliau untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia-Singapura di peringkat generasi kedua dan cadangannya supaya dirapatkan hubungan ini antara para pemimpin peringkat sekolah juga," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas majlis minum teh antara 10 orang ahli BBC dengan Lee dan beberapa orang ahli Parlimen Singapura di Hotel Shangri-La di sini hari ini.

Dr. Jamaluddin berkata, Lee turut sependapat dengan BBC bahawa satu-satunya cara untuk meningkatkan lagi hubungan Malaysia-Singapura adalah dengan menyelaraskan agenda pihak lain seperti media dan badan bukan kerajaan agar selari dengan agenda kerajaan masing-masing.

"Beliau (Lee) juga bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa hubungan dua hala ini adalah untuk kepentingan bersama dan atas dasar 'memakmurkan jiran anda'," katanya.

BBC turut memberikan pandangan bagaimana Singapura perlu bersama-sama rakan ASEAN yang lain untuk memupuk kekuatan serantau selain mengetengahkan agenda republik itu sendiri, tambahnya.

Dr. Jamaluddin berkata, Lee turut menyatakan bahawa kaedah Malaysia yang menekankan kepada pertumbuhan ekonomi merupakan kaedah terbaik bagi memastikan negara ini terus maju ke hadapan.

"Beliau juga berpuas hati Malaysia dapat keluar daripada kemelesetan ekonomi kesan daripada krisis kewangan dahulu," katanya.

Selain itu, katanya, BBC membincangkan mengenai kesan kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi baru terhadap pertumbuhan negara serantau dan aliran politik militan di negara ini.